

900/2

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 2

(Tiga Jam)

PEJABAT PELAJARAN DAERAH JOHOR BAHRU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM 2006

Arahan kepada calon :

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN
BERBUAT DEMIKIAN**

*Jawab enam soalan. Pilih satu soalan daripada tiap – tiap bahagian A, B, D dan E,
dan dua soalan dalam Bahagian C.*

Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap – tiap bahagian.

Markah untuk tiap – tiap bahagian diberikan dalam tanda kurung [].

Nota :

*Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.
Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan*

Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak.

© Panitia Pengajian Am Johor Bahru

STPM 900/2

[Lihat Sebelah

Bahagian A

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25 m]

1. “Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara” . Golongan belia merupakan pemacu ke arah pembangunan negara. Justeru, belia perlu diperkasa untuk mereka mampu merealisasikan Wawasan 2020. Bincangkan.
2. Sumbangan bidang sukan terhadap pembangunan negara tidak dapat dinafikan. Sehubungan itu, pelbagai strategi perlu dilaksanakan untuk memartabatkan sukan negara. Bincangkan.

Bahagian B

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25 m]

3. Peranan ahli teknologi pemakanan penting untuk memajukan industri berasaskan penghasilan sumber makanan. Bincangkan.
4. Penyelidikan dalam sektor pertanian telah memberi banyak manfaat kepada pembangunan negara. Namun, pada masa yang sama sektor pertanian mempunyai implikasi negatif. Bincangkan.

Bahagian C

Jawab dua soalan sahaja dalam bahagian ini. Pilih satu daripada soalan 5(a) atau 5(b) dan satu daripada soalan 6(a) atau 6(b). [10 m]

5. a) “Rangka Dasar Automotif Nasional (NAP) merupakan langkah awal industri automotif negara menghadapi cabaran AFTA. Industri automotif tempatan akan menghadapi saingan produk daripada pengeluar luar negara. Rangka ini juga akan memberi peluang kepada pengeluar kenderaan tempatan memikirkan mekanisme pengeluaran dan pemasaran dalam dan luar negara.”

(Sumber : Dipetik daripada Berita Harian, 21 Oktober 2005)

- i) Apakah tujuan utama Rangka Dasar Automotif Nasional?
- ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, huraikan langkah-langkah memajukan industri automotif negara.

ATAU

- b) “ Imej petani sering dikaitkan sebagai seorang yang selekeh, terkandas dalam pendidikan, miskin dan hidup melarat di kampung walhal ada juga antara mereka berkelulusan tinggi. Tanggapan negatif ini disebabkan golongan masyarakat masih menganggap pertanian adalah bidang yang terkebelakang dan tidak menjanjikan pendapatan yang lumayan berbanding lapangan atau sektor lain ...”

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Dewan Kosmik, Mei 2005)

- i) Mengapakah bidang pertanian diberikan imej yang negatif?
- ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, terangkan inisiatif yang dilakukan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan sektor pertanian.

6. a) Pembakaran hangus bagi plastik PVC akan membubarkan bahan toksid seperti dioksin dan juga penghasilan sejumlah sisa pepejal seperti sanga, habuk dan keledak garam. Dioksin merupakan bahan kimia yang boleh menyebabkan kanser.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Majalah Kosmik, Oktober 2005)

- i) Mengapakah pembakaran plastik PVC berbahaya kepada manusia.
- ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, huraikan kesan pembakaran PVC kepada manusia dan alam sekitar.

ATAU

- b) Unsur radioaktif yang terhasil daripada pembelahan bahan nuklear sering dikatakan boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan manusia seperti mengundang pelbagai jenis barah sekiranya terdedah kepada sinaran dan radiasinya. Namun begitu, secara ironi bahan radioaktif juga mampu diaplikasi dalam pengesanan penyakit bahkan boleh menjadi bahan rawatan.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Kosmik, Jun 2005)

- i) Apakah kesan bahan radioaktif kepada kehidupan manusia?
- ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, huraikan kepentingan teknologi nuklear dalam bidang perubatan.

Bahagian D

*Jawab satu soalan daripada bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.
[15 m]*

7. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai yang menunjukkan perbandingan peruntukan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2003 dan tahun 2005.

Dalam pembentangan belanjawan kerajaan setiap tahun sebahagian besar peruntukan adalah dikhususkan untuk perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan ini melibatkan sektor-sektor seperti sektor keselamatan, perkhidmatan sosial, ekonomi, pentadbiran am dan lain-lain perkhidmatan. Pada tahun 2003 perbelanjaan mengurus kerajaan persekutuan secara keseluruhan adalah sebanyak RM 67 547 juta. Jumlah tersebut terus meningkat sebanyak RM 16 688 juta menjelang tahun 2005 dengan peningkatan sebanyak 24.7 peratus.

Bayaran khidmat hutang dan serahan kepada kerajaan negeri juga merupakan sebahagian dari perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2003, Kerajaan Persekutuan memperuntukan sejumlah RM 10 055 juta untuk bayaran khidmat hutang dan RM 2 100 juta pula diperuntukan untuk serahan dan pemberian kepada kerajaan negeri. Berbanding tahun 2005, dengan kecekapan pengurusan kewangan kerajaan, peruntukan untuk khidmat bayar hutang telah berkurang kepada RM 8 868 juta. Manakala pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri pula telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM 457 juta berbanding tahun 2003.

Bagi tahun 2003, RM 19 713 juta telah diperuntukan untuk pembayaran emolumen yang menyumbang sebanyak 29.18 peratus dari keseluruhan peruntukan pada tahun tersebut. Perbelanjaan untuk emolumen terus meningkat kepada RM 28 868 juta pada tahun 2005. Manakala perbelanjaan mengurus untuk pencen dan ganjaran pula ialah sebanyak RM 4 408 juta pada tahun 2005 yang menunjukkan peningkatan sebanyak RM 320 juta berbanding dengan tahun 2003.

Peruntukan mengurus untuk bekalan dan perkhidmatan melibatkan 12.82 peratus dari keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2003 yang melibatkan kos sebanyak RM 8 660 juta. Bagi tahun 2005 pula, perbelanjaan tersebut terus meningkat menjadi RM 14 882 juta. Bagi tahun 2005 juga sejumlah RM 4 925 juta telah diperuntukan bagi pemberian subsidi. Peruntukan ini menunjukkan penurunan sebanyak RM 899 juta berbanding dengan peruntukan pada tahun 2003. Peruntukan selebihnya bagi kedua-dua tahun tersebut adalah dikhususkan kepada perbelanjaan mengurus untuk lain-lain perbelanjaan.

Secara perbandingan sebahagian besar peruntukan kerajaan persekutuan bagi setiap tahun adalah untuk bayaran emolumen, bekalan dan perkhidmatan dan lain-lain perbelanjaan.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Tahunan Perangkaan Malaysia, 2005)

8. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan jumlah kakitangan kerajaan yang terpilih dari tahun 2000 hingga tahun 2004.

Selaras dengan kemajuan pesat negara kita, peranan kakitangan kerajaan seperti doktor, guru, bomba dan polis amat penting. Menurut statistik pihak berkenaan jumlah kakitangan kerajaan yang terpilih pada tahun 2000 ialah seramai 43266 orang dan telah meningkat kepada 46837 orang pada tahun 2002 berbanding tahun 2001 iaitu seramai 44788 orang. Jumlah kakitangan kerajaan terpilih pada tahun 2003 ialah 48239 orang dan telah meningkat sebanyak 2648 orang pada tahun 2004.

Usaha kerajaan untuk mengurangkan nisbah doktor pesakit pada tahap 1 doktor : 650 pesakit pada tahun 2020 mungkin tercapai dengan peningkatan berterusan bilangan doktor dan jangkamasa yang diliputi. Pada tahun 2000, terdapat seramai 15016 orang doktor berdaftar dan telah meningkat kepada 15076 orang pada tahun 2001. Pada tahun 2002, bilangan doktor adalah seramai 15619 orang dan meningkat sebanyak 527 orang dan 1296 orang untuk dua tahun terakhir.

Peranan guru untuk melahirkan insan yang cemerlang dalam akademik tidak dapat dinafikan dan mereka begitu penting kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2000, terdapat seramai 2058 orang yang menganggotai profesion ini. Namun begitu, bilangan ini telah mengalami penurunan dan mencapai angka 1909 orang pada tahun berikutnya. Bilangan anggota profesion ini telah meningkat semula sebanyak 235 orang pada tahun 2002. Pada tahun 2003, terdapat seramai 2225 orang guru di Malaysia manakala pada tahun 2004 angkanya adalah seramai 2297 orang.

Bomba sentiasa bertindak segera untuk menyelamatkan mangsa kebakaran atau kemalangan. Memandangkan peranan mereka amat penting, bilangan anggota bomba pada tahun 2000 adalah seramai 18134 orang. Bilangan ini telah meningkat sebanyak 2780 orang pada tahun berikutnya. Pada tahun 2002, bilangan anggota bomba adalah 23255 orang dan meningkat lagi kepada 24543 orang pada tahun berikutnya. Peningkatan seramai 1486 orang anggota bomba turut dicatat pada tahun 2004.

Polis pula seramai 8058 orang pada tahun 2000 yang juga merupakan bilangan tertinggi untuk jangkamasa yang diliputi. Bilangan ini telah merosot kepada 6889 orang pada tahun 2001. Penurunan berturut-turut selama dua tahun telah menjadikan polismencatatkan bilangan seramai 5819 orang dan 5325 orang pada tahun 2002 dan 2003. Akhir sekali, pada tahun 2004 bilangan anggota polis masih mencatatkan penurunan dan bilangannya merupakan baki kepada jumlah besar kakitangan kerajaan untuk tahun itu.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Jabatan Perkhidmatan Awan"
dalam *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia, 2005*)

Bahagian E

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

[15 m]


9. Jadual yang berikut menunjukkan jumlah mangsa keganasan rumah tangga mengikut pekerjaan mangsa sepanjang tahun 2001-2004. Bincangkan pola keganasan rumah tangga mengikut jenis pekerjaan di negara ini dan nyatakan usaha-usaha untuk mengatasi masalah keganasan rumah tangga.

MALAYSIA : JUMLAH MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA MENGIKUT PEKERJAAN PADA TAHUN 2001- 2004

Pekerjaan mangsa	Tahun (orang)			
	2001	2002	2003	2004
Suri rumah				
i-Sepenuh masa	535	431	408	351
ii-Separuh masa	400	334	210	330
Bekerja sendiri	811	709	726	861
Pekerja swasta				
i-Mahir	104	120	200	360
ii-Separuh mahir	200	212	236	300
iii-Kurang mahir	240	303	233	302
Kakitangan awam	198	157	157	138
Pekerja kilang				
i-Elektrik	110	102	100	102
ii-Tekstil	102	112	54	90
iii-Perabut	113	123	40	10
Buruh/Pembantu rumah	157	144	99	168
Profesional	37	35	15	14
Jumlah	3007	2682	2478	3026

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2005)

10. Berdasarkan gambar rajah di bawah ini, huraikan bagaimana bahan kimia bertoksik boleh mengganggu kehidupan manusia.



(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Kementerian Kesihatan 2003)